

**DRAF TEKS UCAPAN YB DATUK DR. EWON EBIN
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**DI MAJLIS PERASMIAN
'AN EVENING OF FEAR'**

**SELASA, 11 MAC 2014
PUSAT SAINS NEGARA**

Yang Berhormat Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah
Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Yang Berbahagia Dato' Dr. Rosli bin Mohamed
Ketua Setiausaha
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd Azhar bin Hj Yahaya
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Yang Berbahagia Dr. Zulkifli bin Mohamed Hashim
Timbalan Ketua Setiausaha (Sains)
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Yang Berusaha Dr. Irmawati binti Ramli
Pengarah Pusat Sains Negara

YBhg. Dato'- Dato', Datin-Datin
Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian
Tuan-tuan dan puan-puan Warga MOSTI yang dihormati sekalian

Selamat petang, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Saya rasa amat bersyukur kerana pada petang ini, kita dapat bersama-sama dalam majlis perasmian '*An Evening of Fear*' sempena pameran *Science of Fear* yang sedang berlangsung di Pusat Sains Negara dari 30 Disember 2013 hingga 30 April 2014.

Para hadirin sekalian,

Pendahuluan

1. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sebagai peneraju sains, teknologi dan inovasi (STI) di Malaysia, sentiasa berusaha dan komited dalam pembangunan bidang STI. Demi mencapai hasrat dan cita-cita untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020, keperluan meningkatkan modal insan berkemahiran tinggi dalam bidang Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) perlu dipergiatkan. Mengakui akan kepentingan STI dalam memacu pertumbuhan ekonomi, Kerajaan telah, sedang dan akan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti untuk membudayakan STI di kalangan masyarakat.

Inisiatif MOSTI Untuk Meningkatkan Kesedaran Masyarakat Terhadap STI

2. Bagi merealisasikan, 'Dekad Inovasi 2010-2020' yang diterajui oleh MOSTI didokong oleh Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi (DSTIN) menggariskan dua daripada enam teras strategik utama. Dua strategik utama tersebut menekankan usaha-usaha berterusan bagi membangun, memupuk dan menggilap bakat serta menggalak dan memupuk kesedaran STI bagi melahirkan pemikiran masyarakat yang kritis dan mempunyai literasi sains yang tinggi.

3. Pendekatan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap STI yang direncana dan telah dilaksanakan adalah seperti menganjurkan pelbagai inisiatif program kesedaran. Pada tahun ini, MOSTI menganjurkan Tahun Pengkomersialan MOSTI 2014 atau lebih dikenali sebagai MOSTI Commercialisation Year 2014 (MCY 2014). Program-program sebegini merupakan sebahagian dari usaha Kerajaan untuk mewujudkan pembudayaan dan meningkatkan kesedaran serta memupuk minat seluruh pelusuk rakyat dalam bidang sains, teknologi dan inovasi.

Para hadirin sekalian,

Keperluan Modal Insan Berkualiti Dalam Pembangunan Negara

4. Sains merupakan satu cabang ilmu yang sangat berkait rapat dengan manusia dan kefahaman yang jelas mengenainya dapat membantu manusia menjawab pelbagai persoalan dalam kehidupan seharian. Persepsi yang positif tentang kepentingan mempelajari STI perlu disemai secara berterusan di kalangan masyarakat terutamanya ibu bapa dan guru-guru agar mereka dapat memberikan imej yang betul terhadap pembelajaran dalam bidang STI ini kepada anak-anak. Persepsi positif STI dikalangan ibu-bapa dan guru amat penting dalam mempengaruhi para pelajar memilih jurusan sains di sekolah. Seterusnya mengubah tanggapan negatif masyarakat terhadap bidang ini dan membantu ke arah peningkatan bilangan pelajar aliran sains terhadap sastera kepada 60:40 seperti yang digariskan dalam Pelan Hala Tuju Modal Insan Sains dan Teknologi 2010-2020.

5. Berdasarkan kepada Laporan Pembangunan Modal Insan Sains dan Teknologi (MOSTI) 2013, Kerajaan telah mensasarkan keperluan sebanyak 500,000 orang penyelidik dalam bidang sains dan teknologi bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang 2020. Keperluan untuk mempunyai jumlah penyelidik, saintis dan jurutera yang mencukupi merupakan aspek kritikal bagi memacu kesejahteraan dan

kemajuan bangsa. Itulah sebab mengapa Sains, Teknologi dan Inovasi diterap kukuh di dalam Agenda Nasional bagi merealisasikan Wawasan 2020 untuk Malaysia menjadi sebuah Negara maju dan berpendapatan tinggi.

Para hadirin sekalian,

Langkah Pengembangan Minat dan Pembelajaran STI Melalui Pendekatan Pendidikan Tak Formal

6. Pameran bertema seumpama ini mempunyai peranan tersendiri daripada segi menyediakan pembelajaran STI secara tidak formal dalam mendidik dan meningkatkan kesedaran STI di kalangan masyarakat supaya berfikiran lebih rasional dan saintifik. Penerapan ilmu tidak hanya tertumpu kepada pengajaran dalam kelas semata-mata tetapi melalui aktiviti sebegini yang mampu membuka minda dan memberi inspirasi kepada para pelajar terhadap bidang STI. Penganjuran pameran bertema kan 'Science of Fear' merupakan salah satu pendekatan inovatif yang paling berkesan dan terpanas dalam usaha meningkatkan kesedaran sains di kalangan masyarakat selaras dengan hasrat PSN yang sentiasa ingin menawarkan tarikan baru kepada orang ramai dan menawarkan produk yang sentiasa terkini

7. Pameran *Science of Fear* mengetengahkan penjelasan saintifik di sebalik perasaan takut dalam diri manusia daripada konteks minda dan emosi. Pameran *Science of Fear* cuba merungkai fenomena sistem minda manusia terutama masyarakat kita yang sangat mudah dibayangi dengan kepercayaan melulu terhadap pelbagai peristiwa paranormal dan mengaitkannya dengan kewujudan hantu tanpa mengambil kira penjelasan saintifik disebalik sesuatu perkara. Sebagai contoh, bagaimana masyarakat kita mempunyai perasaan takut yang tinggi terhadap kewujudan hantu dan kegelapan tetapi tidak pula mempunyai ketakutan yang serupa pada peralatan moden seperti kereta dan barangan elektronik yang boleh menyebabkan kecederaan seperti menyertai perlumbaan haram dan sebagainya. Usaha sebegini wajar diteruskan di masa akan datang kerana selain mempromosi kesedaran STI, ia juga memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai penjelasan saintifik di sebalik fenomena paranormal yang sering mempengaruhi tindakan rasional masyarakat.

Para hadirin sekalian,

Kerjasama Strategik

8. Kerjasama pelbagai pihak terutamanya kerajaan, swasta dan NGO yang berkait rapat dengan usaha pembudayaan STI senantiasa dialu-

alukan. Dengan ini, saya ingin merakamkan penghargaan terhadap usaha PSN dalam penganjuran pameran bertema sebegini melalui kerjasama dengan pusat sains dan muzium sains luar negara. Hubungan strategik dan jaringan antarabangsa yang baik seperti ini perlu dikekalkan untuk membawa PSN terus maju ke hadapan sebagai sebuah Insitusi pembelajaran tidak formal yang unggul di peringkat antarabangsa. Melalui perkongsian objektif yang sama iaitu membudayakan STI di kalangan masyarakat, Pusat Sains Negara telah mengadakan kerjasama strategik bersama Syarikat Kokoro Co. Ltd., *Museum of Emerging Science MIRAikan* dan Fuji TV Tokyo, Jepun bagi membawa pameran yang mengujakan ini iaitu *Science of Fear*.

9. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada kesemua pihak yang terlibat atas komitmen yang diberikan sehingga usaha pembudayaan sains sebegini dapat dilaksanakan secara berterusan.

10. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan majlis '*An Evening of Fear*' sempena pameran *Science of Fear*.

Sekian, terima kasih.